



**KENYATAAN RASMI**  
**29 Disember 2021**

## **PR1MA TELAH MELULUSKAN LANTIKAN KONTRAKTOR PENYELAMAT UNTUK PROJEK RESIDENSI MELAKA TENGAH 2 DAN RESIDENSI BANDAR EKAR**

*Pembangunan telah diteruskan dengan komitmen tarikh siap baharu*

MELAKA TENGAH – Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) ingin mengumumkan bahawa pihak pengurusan PR1MA telah memuktamadkan kelulusan lantikan kontraktor penyelamat untuk projek Residensi Melaka Tengah 2, Melaka dan Residensi Bandar Ekar, Negeri Sembilan yang dikategorikan sebagai projek sakit.

Pengerusi PR1MA Dato' Dr. Fathul Bari bin Mat Jahya berkata, dengan lantikan ini projek Residensi Melaka Tengah 2 dijangka akan dapat disiapkan pada awal tahun 2023 dan Residensi Bandar Ekar disasarkan untuk siap pada 21 Oktober 2022.

“Alhamdulillah, perkembangan terkini projek sangat memberangsangkan. Kami ingin memohon maaf terhadap kesulitan yang dihadapi oleh para pembeli. Kita cuba sehabis baik untuk membantu memastikan kontraktor penyelamat dapat menyelesaikan pembinaan dalam tempoh yang dijanjikan,” katanya selepas selesai Jelajah #PR1MAKita untuk melihat kemajuan terkini projek PR1MA di Residensi Melaka Tengah 2 dan Residensi Bandar Ekar hari ini.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif PR1MA, Datuk Hj. Mohd Nazri bin Md. Shariff berkata PR1MA akan melakukan penelitian dan tindakan sewajarnya dalam memastikan kualiti dan pembinaan menepati piawaian yang ditetapkan memandangkan Residensi Melaka Tengah 2 dan Residensi Bandar Ekar ini telah terhenti beroperasi ketika bangunan sedang dalam pembinaan.

“InsyaAllah, kontraktor-kontraktor penyelamat ini akan mengenalpasti kecacatan dan juga kesan daripada projek yang lama tidak beroperasi (*idling*). Pihak yang dilantik juga akan memperbaiki segala kecacatan bangunan di tapak dan mematuhi piawaian kualiti yang telah ditetapkan.” katanya.

Sejak pelantikan kontraktor penyelamat sehingga kini, Residensi Melaka Tengah 2 kini berada di tahap 66.97 peratus dan Residensi Bandar Ekar di tahap 90.45 peratus.

Untuk sebarang maklumat mengenai PR1MA, sila layari laman sesawang PR1MA di [www.pr1ma.my](http://www.pr1ma.my) atau hubungi Pusat Panggilan PR1MA di 03-7628 9898 (tutup pada cuti umum di Negeri Selangor) atau e-emel kepada [info@pr1ma.my](mailto:info@pr1ma.my).

**-TAMAT-**